- 5.2 Pelajar yang telah mendapat pengesahan daripada doktor bahawa ia telah hamil antara enam (6) hingga tujuh (7) bulan pada waktu pendaftaran dinasihatkan tidak mendaftar pada semester tersebut.
- 5.3 Tempoh tidak mendaftar dalam peraturan 10 akan dikira sebagai tempoh Tangguh Pengajian dan tertakluk kepada tempoh penangguhan yang dibenarkan.

6. Penangguhan Pengajian

- 6.1 Pelajar boleh memohon untuk menangguhkan pengajian atas sebab yang munasabah dan tempoh penangguhan ini tidak akan diambil kira sebagai sebahagian daripada tempoh maksimum pengajian yang ditetapkan.
- 6.2 Bagi permohonan penangguhan atas sebab kesihatan, perakuan daripada Pegawai Perubatan Kerajaan/ Universiti, Pegawai Perubatan Klinik Panel Universiti/ Ahli Psikologi Klinik/ Kaunselor bertauliah Kerajaan/ Universiti adalah diperlukan.

- 6.3 Perakuan daripada Pegawai Perubatan Hospital/ Klinik Swasta dan lain-lain di atas boleh dipertimbangkan dalam kes-kes tertentu sekiranya pelajar berkenaan telah menjalani rawatan dengan Pegawai Perubatan, Ahli Psikologi Klinikal atau Kaunselor bertauliah berkenaan terlebih dahulu. Sekiranya terdapat keraguan ke atas perakuan yang dikeluarkan oleh Pegawai Perubatan Hospital/Klinik Swasta, Fakulti boleh memohon pelajar mendapatkan pengesahan Pegawai Perubatan Kerajaan/Universiti, Ahli Psikologi Klinikal atau Kaunselor bertauliah kerajaan/universiti. Dalam kes kesihatan mental, kebenaran untuk mendaftar semula tertakluk kepada perakuan Pegawai Perubatan Hospital/Klinik Swasta sepertimana di atas yang mengesahkan bahawa pelajar boleh meneruskan pengajian.
- 6.4 Pelajar yang menghadapi masalah selain yang dinyatakan di bawah subperaturan 11(4) boleh juga diberi penangguhan pengajian tertakluk kepada Fakulti berpuas hati bahawa permasalahan itu akan menjejaskan pembelajaran pelajar pada semester berkenaan.
- 6.5 Permohonan penangguhan pengajian bagi pelajar yang tidak mendaftar diri hendaklah dibuat dalam tempoh empat (4) minggu daripada tarikh sesuatu semester bermula. Bagi pelajar yang mendaftar diri, permohonan penangguhan pengajian hendaklah dilakukan sehingga minggu ke-10. Permohonan selepas minggu ke-10 tidak akan dipertimbangkan tetapi pelajar hendaklah memohon untuk menangguh peperiksaan kecuali atas sebab kesihatan.
- 6.6 Pelajar yang tidak memohon penangguhan atau gagal mematuhi tempoh yang ditetapkan akan diberikan status “Diberhentikan Sebab Tidak Mendaftar”.
- 6.7 Semua permohonan untuk menangguhkan pengajian hendaklah dibuat secara bertulis kepada Dekan Fakulti dalam tempoh yang ditetapkan dan diperakukan oleh Mesyuarat Fakulti. Keputusan yang dikeluarkan oleh Mesyuarat Fakulti adalah muktamad.
- 6.8 Bagi pelajar antarabangsa, proses pembatalan Pas Pelajar akan dilakukan oleh pihak Universiti dan pelajar dikehendaki pulang ke negara asal.

7. Penangguhan Khas Pengajian

- 7.1 Calon yang ditawarkan tetapi belum mendaftar dan pelajar sedia ada boleh memohon untuk penangguhan khas pengajian. Penangguhan khas ini tidak akan diambil kira dalam kiraan semester yang dibenarkan untuk tangguh seperti yang disebut di bawah subperaturan 11(2) dan 11(3).
- 7.2 Syarat-syarat bagi membolehkan pelajar memohon penangguhan khas adalah seperti berikut:
 - (a) sekatan kemasukan ke Malaysia oleh Kerajaan Malaysia;
 - (b) sekatan keluar dari negara asal akibat peperangan atau wabak penyakit; atau
 - (c) bencana/ krisis luar jangka dan luar kawalan
- 7.3 Semua permohonan penangguhan khas pengajian ini hendaklah dibuat secara bertulis kepada Dekan Fakulti dalam tempoh empat (4) minggu daripada tarikh semester bermula berserta bukti-bukti yang bersesuaian bagi memenuhi perkara yang dinyatakan di bawah subperaturan 12(2) tersebut tertakluk maksimum dua (2) semester sepanjang tempoh pengajian.

8. Gantung Pengajian

- 8.1 Pelajar boleh digantung daripada pengajian sekiranya dituduh atas kesalahan jenayah dan boleh dikenakan hukuman gantung pengajian sekiranya disabitkan atas kesalahan berkaitan untuk tempoh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib. Pelajar tidak layak menuntut balik yuran pengajian termasuk yuran Universiti dan pelajar tidak layak menggunakan sebarang kemudahan yang disediakan oleh Universiti sepanjang tempoh penggantungan pengajian tersebut.

9. Status Pelajar

- 9.1 Status pelajar adalah seperti berikut-

- (1) Pelajar akan diberi status aktif tertakluk kepada syarat-syarat berikut-

- (a) mendaftar sebagai pelajar dengan Universiti untuk mengikuti program pengajian pada tarikh yang ditetapkan;
- (b) menjelaskan yuran pengajian tidak lewat dari tarikh yang ditetapkan; dan
- (c) mendaftar kursus yang ditetapkan dalam pelan pengajian untuk semester berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

- (2) Pelajar akan diberi status tidak aktif jika-

- (a) dikenakan hukuman gantung pengajian atau dibuang Universiti oleh Pihak Berkuasa Tatatertib;
- (b) menangguhkan pengajian; atau
- (c) diluluskan untuk tidak mendaftar.

- (3) Pelajar akan hilang status sebagai pelajar jika-

- (a) menarik diri dari pengajian;
- (b) mendapat status “Diberhentikan Sebab Tidak Mendaftar” di bawah subperaturan 8(2) dan 11(7);
- (c) mendapat status “Gagal Dan Diberhentikan”;
- (d) mendapat status “Diberhentikan Sebab Tatatertib”.

- (4) Pelajar yang mendapat status tidak aktif atau hilang status sebagai pelajar Universiti, tidak berhak mendapat atau menggunakan kemudahan- kemudahan Universiti yang diberikan kepada pelajar sehingga pelajar mendapat kelulusan untuk mendaftar semula selepas tempoh berkenaan.

- (5) Keputusan menarik diri pengajian yang telah diluluskan oleh pihak Universiti adalah muktamad.

10. Bayaran

- (1) Pelajar hendaklah menjelaskan semua bayaran kepada Universiti pada awal setiap semester di sepanjang tempoh pengajian.

- (2) Pelajar yang gagal menjelaskan apa-apa bayaran di bawah subperaturan 15(1) boleh-

- (a) disekat keputusan peperiksaannya;
- (b) tidak dibenarkan mendaftar untuk semester berikutnya; dan
- (c) dikenakan apa-apa tindakan lain yang ditetapkan oleh Universiti.

PENGAJIAN

1. Tempoh Pengajian

- 1.1 Pelajar mesti mengikuti kursus ijazah sarjana muda selama tidak kurang daripada lapan (8) semester dan tidak lebih daripada dua belas (12) semester dikira dari tarikh pendaftaran pertama untuk mendapatkan ijazah sarjana muda bagi program pengajian empat tahun dan sekurang-kurangnya tujuh (7) semester dan tidak lebih daripada dua belas (12) bagi program pengajian empat tahun kecuali bagi program pengajian Doktor Perubatan sekurang-kurangnya lima (5) sesi dan tidak melebihi tujuh (7) sesi dan Doktor Pergigian sekurang-kurangnya lima (5) sesi dan tidak melebihi tujuh (7) sesi. Pengajian Semester ke-3 tidak diambil kira bagi menentukan jumlah semester maksimum pengajian yang dibenarkan;
- 1.2 Pelajar yang diluluskan pemindahan kredit, tempoh minimum yang dikenakan untuk menyelesaikan kursus pengajian bagi ijazah bergantung kepada bilangan kredit yang dikecualikan dan tertakluk kepada tempoh bermastautin minimum satu tahun atau dua (2) semester tidak termasuk semester ketiga. Peruntukan ini adalah juga tertakluk kepada pelajar memenuhi jumlah kredit keseluruhan program pengajiannya kecuali bagi program yang ditetapkan selainnya oleh badan profesional.

2. Struktur Pengajian

2.1 Komponen Kursus

Pelajar hendaklah mengikuti kursus-kursus yang terdiri daripada Kursus Wajib Universiti dan Teras.

2.2 Kursus

Pelajar dikehendaki mengikuti kursus-kursus yang ditetapkan seperti berikut:

2.2.1 Kursus Fakulti

Pelajar dikehendaki mengikuti kursus-kursus yang terdiri daripada kursus wajib dan kursus pilihan yang jumlah kreditnya ditetapkan oleh Fakulti

2.2.2 Kursus Pendidikan Citra

2.2.2.1 Calon-calon dikehendaki mengikuti kursus-kursus Citra UKM dengan jumlah 22 jam kredit seperti yang ditetapkan berikut :

2.2.2.2 SEPULUH (10) jam kredit untuk kursus WAJIB UNIVERSITI.

2.2.2.3 DUA BELAS (12) jam kredit untuk kursus Citra Universiti

Manakala bagi kursus Bahasa Inggeris, pelajar perlu mengambil sebanyak 5 jam kredit semasa di Tahun 1, Tahun 2 dan Tahun pengajian.

2.3 Jumlah Kredit

Pelajar dikehendaki mengikuti seratus dua puluh satu (121) kredit kursus yang ditetapkan dalam empat (4) tahun pengajian dan lapan puluh tiga (83) kredit kursus bagi program tiga (3) tahun pengajian atau sejumlah unit lain yang ditetapkan oleh Senat.

PENDAFTARAN KURSUS

- 1.1 Pelajar dikehendaki mendaftar kursus-kursus yang diambil pada setiap semester. Pendaftaran kursus-kursus tersebut hendaklah dilakukan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan oleh Fakulti. Pendaftaran untuk semester ke-3 adalah opsional;
- 1.2 Penukaran kursus yang didaftarkan boleh dilakukan hanya dalam tempoh dua (2) minggu pertama permulaan tiap-tiap semester;
- 1.3 Pengguguran kursus yang didaftarkan boleh dilakukan dalam tempoh empat (4) minggu pertama penilaian tiap-tiap semester. Pengguguran selepas minggu ke-4 sehingga akhir minggu ke-8 akan diberikan gred TD. Kursus yang digugurkan ini tidak akan diambil kira di dalam Purata Nilai Gred.
- 1.4 Pelajar yang tidak mendaftar dalam tempoh empat minggu selepas semester bermula tanpa mendapatkan kebenaran secara bertulis untuk menangguhkan pengajian daripada Dekan akan diberi status “Diberhentikan sebab tidak mendaftar”.

2. Pemindahan Kredit

- 2.1 Pemindahan kredit secara menegak boleh dilakukan oleh pelajar lepasan institusi pascapendidikan menengah berasaskan pemetaan mata pelajaran yang sesuai jika:
 - 2.1.1 Kredit yang dipindahkan tidak boleh melebihi 30 peratus daripada jumlah keseluruhan kredit bagi satu program tertentu. Bagi pelajar lepasan diploma (Tahap 4, Kerangka Kelayakan Malaysia), pemindahan kredit boleh diberikan sehingga maksimum 50 peratus;
 - 2.1.2 Pelajar yang berkenaan hendaklah mendapat gred tidak kurang dari C atau yang setara dengannya. Bagi pelajar lepasan diploma (Tahap 4, Kerangka Kelayakan Malaysia) hendaklah mendapat gred C atau yang setara dengannya ($\leq 30\%$) dan gred B atau setara dengannya (31 – 50%);
 - 2.1.3 Hasil pembelajaran dan/atau kandungan kursus tersebut mempunyai persamaan dengan kursus- kursus di UKM tidak kurang daripada 80%.
 - 2.1.4 Perbezaan magnitud kredit yang hendak dipindahkan itu hendaklah tidak melebihi 10% daripada kursus setara yang ada di UKM. Oleh kerana takrif kredit mungkin berbeza-beza dari satu institusi dengan institusi yang lain, perbandingan magnitud kredit boleh dilakukan melalui Masa Pembelajaran Pelajar (MPP). Jika MPP tidak dapat ditentukan, jumlah kredit untuk menamatkan pengajian boleh digunakan untuk melakukan perbandingan;
 - 2.1.5 Kredit yang dipindahkan hendaklah daripada program yang mendapat akreditasi daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), badan profesional berautoriti atau agensi jaminan kualiti di negara berkenaan;

2.2 Kursus

Pelajar dikehendaki mengikuti kursus-kursus yang ditetapkan seperti berikut:

2.2.1 Kursus Fakulti

Pelajar dikehendaki mengikuti kursus-kursus yang terdiri daripada kursus wajib dan kursus pilihan yang jumlah kreditnya ditetapkan oleh Fakulti

2.2.2 Kursus Pendidikan Citra

2.2.2.1 Calon-calon dikehendaki mengikuti kursus-kursus Citra UKM dengan jumlah 22 jam kredit seperti yang ditetapkan berikut :

2.2.2.2 SEPULUH (10) jam kredit untuk kursus WAJIB UNIVERSITI.

2.2.2.3 DUA BELAS (12) jam kredit untuk kursus Citra Universiti

Manakala bagi kursus Bahasa Inggeris, pelajar perlu mengambil sebanyak 5 jam kredit semasa di Tahun 1, Tahun 2 dan Tahun pengajian.

2.3 Tempoh Yang Dibenarkan

2.3.1 Pelajar mesti mengikuti kursus ijazah sarjana muda selama tidak kurang daripada lapan (8) semester dan tidak lebih daripada dua belas (12) semester dikira dari tarikh pendaftaran pertama untuk mendapatkan ijazah sarjana muda bagi program pengajian empat tahun dan sekurang-kurangnya tujuh (7) semester dan tidak lebih daripada dua belas (12) bagi program pengajian empat tahun kecuali bagi program pengajian Doktor Perubatan sekurang-kurangnya lima (5) sesi dan tidak melebihi tujuh (7) sesi dan Doktor Pergigian sekurang-kurangnya lima (5) sesi dan tidak melebihi tujuh (7) sesi. Pengajian Semester ke-3 tidak diambil kira bagi menentukan jumlah semester maksimum pengajian yang dibenarkan;

2.3.2 Pelajar yang diluluskan pemindahan kredit, tempoh minimum yang dikenakan untuk menyelesaikan kursus pengajian bagi ijazah bergantung kepada bilangan kredit yang dikecualikan dan tertakluk kepada tempoh bermastautin minimum satu tahun atau dua (2) semester tidak termasuk semester ketiga. Peruntukan ini adalah juga tertakluk kepada pelajar memenuhi jumlah kredit keseluruhan program pengajiannya kecuali bagi program yang ditetapkan selainnya oleh badan profesional.

2.4 Pendaftaran Kursus

2.4.1 Pelajar dikehendaki mendaftar kursus-kursus yang diambil pada setiap semester. Pendaftaran kursus-kursus tersebut hendaklah dilakukan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan oleh Fakulti. Pendaftaran untuk semester ke-3 adalah opsional;

2.4.2 Penukaran kursus yang didaftarkan boleh dilakukan hanya dalam tempoh dua (2) minggu pertama permulaan tiap-tiap semester;

2.4.3 Pengguguran kursus yang didaftarkan boleh dilakukan dalam tempoh empat (4) minggu pertama penilaian tiap-tiap semester. Pengguguran selepas minggu ke-4 sehingga akhir minggu ke-8 akan diberikan gred TD. Kursus yang digugurkan ini tidak akan diambil kira di dalam Purata Nilai Gred.

- 2.4.4 Pelajar yang tidak mendaftar dalam tempoh empat minggu selepas semester bermula tanpa mendapatkan kebenaran secara bertulis untuk menangguhkan pengajian daripada Dekan akan diberi status “Diberhentikan sebab tidak mendaftar”.

2.5 Pemindahan Kredit

- 2.5.1 Pemindahan kredit secara menegak boleh dilakukan oleh pelajar lepasan institusi pascapendidikan menengah berasaskan pemetaan mata pelajaran yang sesuai jika:

2.5.1.1 Kredit yang dipindahkan tidak boleh melebihi 30 peratus daripada jumlah keseluruhan kredit bagi satu program tertentu. Bagi pelajar lepasan diploma (Tahap 4, Kerangka Kelayakan Malaysia), pemindahan kredit boleh diberikan sehingga maksimum 50 peratus;

2.5.1.2 Pelajar yang berkenaan hendaklah mendapat gred tidak kurang dari C atau yang setara dengannya. Bagi pelajar lepasan diploma (Tahap 4, Kerangka Kelayakan Malaysia) hendaklah mendapat gred C atau yang setara dengannya ($\leq 30\%$) dan gred B atau setara dengannya (31 – 50%);

2.5.1.3 Hasil pembelajaran dan/atau kandungan kursus tersebut mempunyai persamaan dengan kursus- kursus di UKM tidak kurang daripada 80%.

2.5.1.4 Perbezaan magnitud kredit yang hendak dipindahkan itu hendaklah tidak melebihi 10% daripada kursus setara yang ada di UKM. Oleh kerana takrif kredit mungkin berbeza-beza dari satu institusi dengan institusi yang lain, perbandingan magnitud kredit boleh dilakukan melalui Masa Pembelajaran Pelajar (MPP). Jika MPP tidak dapat ditentukan, jumlah kredit untuk menamatkan pengajian boleh digunakan untuk melakukan perbandingan;

2.5.1.5 Kredit yang dipindahkan hendaklah daripada program yang mendapat akreditasi daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), badan profesional berautoriti atau agensi jaminan kualiti di negara berkenaan;

2.5.1.6 Kredit yang dipindahkan diambil kira untuk bergraduat tetapi tidak digunakan dalam pengiraan Purata Nilai Gred (PNG) Semester dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK);

2.5.1.7 Kredit yang dipohon hendaklah tidak melebihi lima (5) tahun dari tarikh permohonan.

- 2.5.2 Pemindahan kredit secara mendatar boleh dilakukan oleh pelajar apabila pelajar bertukar program pengajian dari dalam atau luar Universiti dan/atau pelajar yang menyertai program mobiliti tertakluk kepada:

2.5.2.1 Hasil pembelajaran dan/atau kandungan kursus yang dipadankan dalam kedua-dua program itu mestilah mempunyai persamaan tidak kurang daripada 80%;

2.5.2.2 Pelajar yang hendak memindahkan kredit satu-satu kursus mestilah

mendapat gred tidak kurang dari C.

2.5.2.3 Kredit yang dipohon hendaklah tidak melebihi lima (5) tahun dari tarikh permohonan.

2.5.2.4 Tiada had kredit tetapi pelajar adalah tertakluk kepada tempoh bermastautin seperti perkara 3.3.2

2.5.3 Pelajar yang ingin mendapat pemindahan kredit hendaklah mengemukakan permohonan rasmi kepada dekan fakulti masing-masing atau kepada wakil yang diberi kuasa.

2.5.4 Permohonan pemindahan kredit hendaklah disahkan oleh Mesyuarat Fakulti setelah mendapat perakuan jawatankuasa khas yang ditetapkan.

2.5.5 Kursus yang telah diluluskan pemindahan kredit tidak boleh ditarik balik oleh pelajar.

2.5.6 Keputusan permohonan pemindahan kredit pelajar akan dimaklumkan oleh Pendaftar/ Dekan Fakulti.

3. Struktur Penilaian

3.1 Pemberian nilai gred bagi setiap semester adalah untuk kerja kursus dan penilaian-penilaian lain yang diadakan di sepanjang semester dan peperiksaan akhir semester.

3.2 Bagi kursus yang ada peperiksaan akhir, komponen peperiksaan akhir adalah dari 40%- 60% daripada jumlah markah keseluruhan.

3.3 Markah Gred dan Nilai Gred

Skala Markah	Gred	Nilai Gred	Taraf
80 – 100	A	4.00	Cemerlang
75 – 79	A-	3.75	
70 – 74	B+	3.50	Kepujian
65 – 69	B	3.00	
60 – 64	B-	2.75	Lulus
55 – 59	C+	2.50	
50 – 54	C	2.00	
45 – 49	C-	1.75	Gagal
40 – 44	D+	1.50	
35 – 39	D	1.00	
0 – 34	E	0.00	

Nota: Skala ini adalah terpakai kepada kohortambilan Sesi Akademik 2026/2027 (Kelulusan Senat ke- Mesyuarat Senat Ke-532 pada 29 Julai 2026)

Pertukaran Markah ('open-marking ke close-marking')

Skala Markah	Gred	Nilai Gred	Taraf
80 – 100	109 - 110	A+	Cemerlang
75 – 79	108	A	
70 – 74	107	A-	
65 – 69	106	B+	Kepujian
62 – 64	105	B	
59 – 61	104	B-	
56 – 58	103	C+	
53 – 55	102	C	
50 – 52	100 - 101	C-	Lulus
47 – 49	98 - 99	D+	Gagal
Batasan			
44 - 46	97	D	Gagal
41 - 43	96	D-	

4. Sistem Penilaian dan Purata Nilai Gred (PNG)

- 4.1 Semua kursus akan diambil kira untuk mengira Purata Nilai Gred (PNG) Semester dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) seperti pada perenggan 3.2. kecuali kursus-kursus yang ditetapkan oleh Fakulti.
- 4.2 Kursus-kursus yang mendapat gred “C-” (gagal) juga diambil kira untuk menentukan Purata Nilai Gred (PNG) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) bagi semester berkenaan.
- 4.3 Gred bagi kursus-kursus ulangan adalah diambil kira untuk menentukan Purata Nilai Gred (PNG) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) bagi pelajar-pelajar yang mengulang dan dengan ini gred “C-” (gagal) asal bagi kursus berkenaan digugurkan dalam pengiraan tertakluk kepada perenggan 7.3.
- 4.4 PNG akan ditentukan mengikut kaedah di bawah:

4.4.1 Purata Nilai Gred (PNG) Semester

Jumlah Nilai Gred (nilai gred X jam kredit) untuk semua kursus dibahagikan dengan jumlah jam kredit bagi semua kursus yang diambil pada sesuatu semester seperti pada perenggan 4.1 dan

Rumus pengiraan PNG adalah seperti berikut:

$$\text{PNG} = \frac{\sum_{i=1}^n G_i U_i}{\sum_{i=1}^n U_i}$$

yang mana :

G_i = Nilai gred kursus ke-I

U_i = Unit kursus ke-I

N = Bilangan kursus yang telah diikuti pada semester

Contoh :**Semester I**

X Kursus	Gred	Gred	Nilai Kursus	Nilai Gred Unit Unit Kursus
XA1013	A	4.00	3	12.00
XB1013	B+	3.50	3	10.50
XC1013	A-	3.75	3	11.25
XD1512	E	0.00	2	0.00
XE1512	D	1.00	2	2.00

$$\begin{array}{rcl}
 \text{JUMLAH} & 13 & 35.75 \\
 \text{P. N.G. Semester} = & 35.75 & \\
 \hline & 13 & = 2.75
 \end{array}$$

4.4.2. Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK)

Jumlah Nilai Gred (nilai gred X jam kredit) untuk semua kursus dibahagikan dengan jumlah jam kredit bagi semua kursus yang telah diikuti tertakluk kepada perenggan 4.1 dan 4.3. Rumus pengiraan PNGK sama seperti rumus pengiraan PNG.

Contoh :**Semester I**

X Kursus	Gred	Nilai Gred	Unit Kursus	Nilai Gred Unit Kursus
XA1013	A	4.00	3	12.00
XB1013	B+	3.50	3	10.50
XC1013	A-	3.75	3	11.25
XD1512	E	0.00	2	0.00
XE1512	D	1.00	2	2.00
Jumlah Kecil			13	35.75

Semester II

X Kursus	Gred	Nilai Gred	Unit Kursus	Nilai Gred Unit Kursus
XA1113	A	4.00	3	12.00
XB1313	B+	3.50	3	10.50
XD1363	A	4.00	3	12.00
XE1512	D	1.00	2	2.00
Jumlah Kecil			11	36.50

$$\text{PNGK} = \frac{72.25}{24} = 3.01$$

- 4.5 Fakulti dibenar memasukkan pemberat dalam pengiraan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) Fakulti masing-masing untuk tujuan pengurniaan ijazah tertakluk kepada kelulusan Senat.

5. Syarat-syarat Kelayakan Meneruskan Pengajian

5.1 Taraf Lulus:

- 5.1.1 Seseorang calon dianggap lulus dan dibenar meneruskan pengajian jika lulus semua kursus yang ditetapkan oleh Fakulti. Markah lulus sesuatu kursus adalah 50% dan ke atas atau nilai yang ditentukan melalui kaedah 'Standard Setting' yang dipersetujui dalam mesyuarat Jawatankuasa PraPemeriksa Kursus/Modul.

5.2 Taraf Gagal:

- 5.2.1 Seseorang calon dianggap Gagal dan diberhentikan jika mendapat PNGK kurang daripada 1.00 tidak termasuk semester pertama pengajiannya atau tidak memenuhi syarat-syarat yang disebutkan pada perenggan 5.1.

5.2.2 Taraf Gagal Pengajian

- i. Pelajar yang gagal mana-mana modul Peperiksaan Akhir Semester I dan atau Peperiksaan Akhir Semester II layak menduduki Peperiksaan Ulangan.
- ii. Ulang Tahun – Pelajar yang gagal dalam Peperiksaan Ulangan Semester I & II perlu mengulang tahun Pengajian Semasa.
- iii. Seseorang calon dianggap gagal dan diberhentikan jika:
 - gagal Peperiksaan Ulangan Semester I atau II, atau kedua-duanya dalam tahun ulangan, atau
 - telah menghabiskan tempoh maksimum enam (6) tahun pengajian, atau
 - gagal Peperiksaan Ulangan Semester dengan Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) kurang atau sama 1.00

- 5.3 Penilaian PNGK bagi syarat-syarat 6.1 dan 6.2 di atas akan hanya berkuatkuasa mulai semester kedua pengajian seseorang pelajar.

5.4 Syarat dibenarkan menduduki Peperiksaan Akhir Profesional

- 5.4.1 Pelajar tahun akhir (Tahun 4 Semester II) perlu lulus Peperiksaan Akhir Semester II Tahun 4 sebelum menduduki Peperiksaan Akhir Profesional.
- 5.4.2 Pelajar tahun akhir (Tahun 4 Semester II) akan menduduki Peperiksaan Akhir Profesional (Integrated Nursing Sciences dan Integrated Nursing Practice) bertujuan untuk menilai pengetahuan dan kompetensi pelajar selama 4 tahun

belajar dalam bidang kejururawatan. Pelajar akan diberi status lulus atau gagal sahaja.

5.4.3 Jika pelajar gagal dalam Peperiksaan Akhir Semester II Tahun 4 pelajar tidak layak untuk menduduki Peperiksaan Akhir Profesional (merujuk kepada perenggan 6.3).

5.4.4 Pelajar perlu menduduki peperiksaan profesional ini sekali dan dibenarkan mengulang peperiksaan sekiranya gagal sebanyak 2 kali dalam tempoh 6 tahun pengajian.

5.5 Penilaian Untuk Mendapatkan Ijazah

5.5.1 Seseorang pelajar mestilah memenuhi semua syarat berikut untuk dikurniakan Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian:

5.5.1.1 mencapai PNGK sekurang-kurangnya 2.00 bagi semua kursus yang diambilnya tertakluk kepada perenggan 6.1, 6.2 dan 6.3 di atas;

5.5.1.2 mendapat sekurang-kurangnya seratus dua puluh satu (121) kredit kursus-kursus yang ditetapkan atau sejumlah kredit lain yang ditetapkan termasuk jumlah kredit kursus-kursus Universiti seperti pada perenggan 3.2.1. Bagi tujuan ini, pelajar dibenarkan untuk mengumpul kredit tambahan dengan tujuan untuk meningkatkan PNGKnya (Ini boleh dilakukan dengan mendaftar Kursus Pendidikan Citra sahaja).

5.5.2 Pengurniaan Ijazah

5.5.2.1 Pengurniaan ijazah adalah mengikut kelas seperti berikut:

PNGK	Ijazah Yang Dikurniakan
3.75 – 4.00*	Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian (Cemerlang)
2.00 – 3.74	Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian

*Syarat penganugerahan Ijazah Kelas Pertama dengan PNGK minimum 3.75 ini akan mula terpakai kepada graduan pada Majlis Konvokesyen Tahun 2029 bagi pelajar program pengajian tiga (3) tahun dan Majlis Konvokesyen Tahun 2030 bagi pelajar program pengajian empat (4) tahun dan seterusnya.

5.5.2.2 Ijazah boleh dikurniakan kepada pelajar yang telah:

- 5.5.2.2.1 Memenuhi semua kehendak Peraturan ini;
- 5.5.2.2.2 Diperakui supaya diberi ijazah berkenaan oleh Jawatankuasa Pemeriksa dan disahkan oleh Senat;
- 5.5.2.2.3 Menjelaskan segala bayaran yang telah ditetapkan.

Pelajar wajib lulus Peperiksaan Akhir Profesional UKM untuk menduduki Peperiksaan Lembaga Jururawat Malaysia (LJM) Syarat Bagi Kemasukan Dalam Bahagian Am Daftar

6. Peruntukan-peruntukan Lain

- 6.1 Seseorang pelajar tidak akan dibenarkan mengambil peperiksaan sesuatu kursus sekiranya Dekan telah memperakui bahawa pelajar-berkenaan:
- 6.1.1 Telah tidak mengikuti sekurang-kurangnya 90% daripada keperluan kursus tersebut seperti yang ditetapkan oleh Fakulti dan/atau tidak memenuhi syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh sesuatu kursus atau;
 - 6.1.2 Telah memplagiat atau menipu apa-apa bentuk penilaian (seminar/laporan/penulisan kes/buku log) yang ditetapkan dalam sesuatu kursus atau
 - 6.1.3 Tidak memenuhi syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh sesuatu kursus atau
 - 6.1.4 Menghadapi tindakan tatatertib berat misalnya terlibat dengan-kes jenayah dan lain-lain tindakan yang boleh menjejaskan profesionnya atau
 - 6.1.5 Mempunyai sikap yang tidak bersesuaian sebagai seorang pelajar kejururawatan dan menjejaskan profesion kejururawatan.
- 6.2 Pelajar yang telah dikenal pasti oleh Fakulti untuk diberi bimbingan tambahan adalah diwajibkan menghadiri sesi bimbingan yang diatur oleh Fakulti masing-masing dan kegagalan menghadirinya boleh menjejaskan peluang mereka untuk mengambil peperiksaan.
- 6.3 Semua keputusan penilaian akhir semester yang diperolehi oleh pelajar akan dicatat di dalam rekod akademiknya.
- 6.4 Peperiksaan Ulangan Modul/Subjek
- 6.4.1 Pelajar yang mendapat markah kurang daripada 50% dalam mana-mana modul/subjek dikehendaki menduduki Peperiksaan Ulangan bagi modul/subjek tersebut walaupunmendapat PNGK 2.00 dan lebih (≥ 2.00).
 - 6.4.2 Peperiksaan Ulangan bagi modul/subjek yang gagal (samaada semester I atau semester II) akan diadakan pada akhir semester II dalam sesi pengajian yang sama dan seratus peratus (100%) markah dikira dari Peperiksaan Ulangan ini.
 - 6.4.3 Nilai gred yang diberikan kepada pelajar yang menduduki Peperiksaan Ulangan modul/subjek adalah seperti berikut:

Skala Markah	Gred	Nilai Gred	Taraf
80 – 100	C	2.00	Lulus
75 – 79	C	2.00	
70 – 74	C	2.00	
65 – 69	C	2.00	
60 – 64	C	2.00	
55 – 59	C	2.00	
50 – 54	C	2.00	
45 – 49	C-	1.75	Gagal
40 – 44	D+	1.50	
35 – 39	D	1.00	
0 – 34	E	0.00	

6.5 Peperiksaan Ulangan Khas

- 6.5.1 Peperiksaan Ulangan Khas boleh diadakan bagi pelajar semester terakhir yang memerlukan hanya satu kursus untuk tujuan mendapatkan ijazah dan kursus tersebut hendaklah pernah diikuti. Peperiksaan tersebut hanya boleh diambil sekali sahaja dan permohonannya hendaklah dibuat dalam masa empat (4) minggu selepas keputusan peperiksaan diumumkan.
- 6.5.2 Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar dengan disertakan bayaran yuran yang ditetapkan. Apabila diterima sesuatu permohonan, Pendaftar hendaklah merujukannya kepada Dekan Fakulti berkenaan untuk mengaturkan peperiksaan tersebut.
- 6.5.3 Gred A hingga E hendaklah diberi kepada pelajar yang lulus peperiksaan ulangan khas dan gred ini hendaklah dikira dalam pengiraan PNG dan PNGK pelajar. Kaedah penilaian sama ada mengambil kira keseluruhan penilaian dalam komponen kursus atau peperiksaan ulangan khas secara komprehensif meliputi keseluruhan silibus kursus.

6.6 Anugerah Dekan

- 6.6.1 Anugerah Dekan diberi kepada pelajar yang telah menunjukkan kejayaan dalam bidang akademik semasa menjalani pengajian di UKM.
- 6.6.2 Syarat dan Kelayakan.
 - 6.6.2.1 Pelajar mencapai Purata Nilai Gred (PNG) Semester sekurang-kurangnya 3.75, bagi minimum 12 kredit bagi sesuatu semester pengajian atau seperti kriteria yang ditetapkan oleh Fakulti berkaitan yang telah diluluskan oleh Senat;
 - 6.6.2.2 Pelajar tidak pernah dikenakan apa-apa tindakan tatatertib;
 - 6.6.2.3 Berdaftar secara rasmi sebagai pelajar UKM bagi menjalani sebarang program ijazah yang ditawarkan oleh mana-mana Fakulti dalam Universiti ini;
 - 6.6.2.4 Pelajar telah menjelaskan segala hutang dan bayaran kepada Universiti pada waktu pemilihan; dan
 - 6.6.2.5 diperakui oleh Fakulti bahawa pelajar itu adalah layak untuk dicalonkan berdasarkan kriteria-kriteria yang diperuntukkan berhubung dengan paraturan ini.
- 6.6.3 Proses Pemilihan
 - 6.6.3.1 Pemilihan Anugerah Dekan akan ditentukan dalam Mesyuarat Fakulti berdasarkan kepada syarat-syarat kelayakan seperti pada perkara 7.5.2 dalam peraturan ini;
 - 6.6.3.2 Penerima Anugerah Dekan tidak dihadkan kepada seorang sahaja bagi setiap Fakulti; dan
 - 6.6.3.3 Sijil anugerah disampaikan kepada pelajar yang berjaya pada masa

yang ditetapkan oleh Fakulti.

6.6.4 Bentuk Penghargaan

6.6.4.1 Penganugerahan adalah dalam bentuk sijil oleh Fakulti.

7. Penangguhan Pengajian, Kebenaran Tidak Mendaftar dan Penangguhan Peperiksaan

7.1 Pertimbangan Untuk Penangguhan Pengajian

- 7.1.1 Seseorang pelajar yang sakit boleh diberi penangguhan pengajian untuk semester tertentu oleh Dekan Fakulti dan disahkan oleh Mesyuarat Fakulti. Dalam kes-kes seperti ini perakuan daripada doktor yang terdiri daripada Doktor Kerajaan, Pegawai Perubatan Universiti, Doktor Panel Universiti atau Ahli Psikologi Klinikal atau Kaunselor bertaualiah adalah diperlukan. Perakuan yang bukan daripada doktor Kerajaan, Pegawai Perubatan Universiti, Doktor Panel atau Ahli Psikologi Klinikal atau Kaunselor bertaualiah boleh dipertimbangkan dalam kes-kes tertentu selepas pelajar berkenaan telah menjalani rawatan doktor berkenaan terlebih dahulu. Dalam kes kesihatan mental, kebenaran untuk mendaftar semula tertakluk kepada perakuan doktor yang berkenaan.
- 7.1.2 Seseorang pelajar yang menghadapi masalah lain daripada perenggan 7.1.1 di atas boleh juga diberi penangguhan pengajian untuk sesuatu semester oleh Dekan Fakulti dan disahkan oleh Mesyuarat Fakulti tertakluk kepada Dekan Fakulti berpuas hati bahawa masalahnya itu akan menjejaskan pembelajarannya pada semester berkenaan. Selain itu, seseorang pelajar juga boleh memohon penangguhan pengajian untuk mengikuti Tahun Berjeda (Gap Year).
- 7.1.3 Permohonan penangguhan pengajian bagi pelajar yang tidak mendaftar diri hendaklah dibuat dalam tempoh empat (4) minggu daripada tarikh sesuatu semester bermula. Bagi pelajar yang mendaftar diri, permohonan penangguhan pengajian hendaklah dilakukan sehingga minggu ke sepuluh (ke 10). Permohonan selepas minggu ke sepuluh (ke 10) tidak akan dipertimbangkan tetapi pelajar hendaklah memohon untuk menangguh peperiksaan.
- 7.1.4 Seseorang pelajar baharu yang telah diterima masuk tetapi belum mendaftar disebabkan sakit atau menghadapi masalah lain yang boleh menjejaskan pembelajarannya, dibenarkan membuat penangguhan pendaftaran diri sebagai pelajar dengan syarat ia memohon secara bertulis kepada Dekan Fakulti dengan mengemukakan alasannya selewat-lewatnya dua (2) minggu dari tarikh kuliah bermula. Apabila diluluskan oleh Dekan Fakulti, calon dikehendaki membayar wang proses permohonan penangguhan pendaftaran diri. Tempoh maksimum yang dibenarkan penangguhan pendaftaran diri adalah dua (2) semester kecuali atas sebab-sebab kesihatan. Tempoh tersebut tidak diambil kira sebagai sebahagian daripada keperluan maksimum yang dibenarkan bagi melayakkan diri untuk mendapatkan sesuatu ijazah.
- 7.1.5 Seseorang pelajar boleh memohon penangguhan pengajian kepada Dekan Fakulti untuk mengikuti program Tahun Berjeda (Gap Year). Permohonan hanya boleh dilakukan satu kali sahaja iaitu selepas satu tahun pengajian di universiti. Tempoh maksimum yang dibenarkan adalah dua (2) semester sahaja. Tempoh penangguhan pengajian ini tidak diambil kira sebagai

sebahagian daripada keperluan maksimum pengajian.

7.2 Pertimbangan Untuk Tidak mendaftar

- 7.2.1 Pelajar yang telah mendapat pengesahan daripada doktor bahawa ia telah hamil antara enam hingga tujuh (6 - 7) bulan pada waktu pendaftaran dinasihatkan tidak mendaftar pada semester tersebut.
- 7.2.2 Seseorang pelajar boleh dibenarkan oleh Dekan Fakulti untuk tidak mendaftar pada sesuatu semester dengan syarat ia memohon secara bertulis kepada Dekan dengan mengemukakan alasannya.

7.3 Pertimbangan Bagi Penangguhan Peperiksaan

- 7.3.1 Pelajar yang sakit atau menghadapi gangguan-gangguan lain sebelum atau sewaktu peperiksaan boleh memohon kepada Dekan Fakulti dan disahkan oleh Mesyuarat Fakulti untuk menangguhkan pengambilan peperiksaan berkenaan. Permohonan untuk menangguhkan peperiksaan untuk sesuatu kursus berkenaan hendaklah dibuat selewat-lewatnya 48 jam selepas peperiksaan itu diadakan.
- 7.3.2 Permohonan untuk menangguhkan pengambilan peperiksaan semester atas sebab-sebab kesihatan hendaklah disertakan dengan pengesahan doktor yang merawat pelajar berkenaan seperti pada perenggan 8.1.1 di atas. Permohonan atas sebab-sebab lain boleh dipertimbangkan atas budi bicara Dekan dan disahkan oleh Mesyuarat Fakulti. Peperiksaan gantian boleh diatur berdasarkan kepada merit kes-kes tersebut.

7.4 Status Sebagai Pelajar Universiti

- 7.4.1 Pelajar yang telah diberi penangguhan pengajian dan kebenaran tidak mendaftar kecuali perenggan 8.1.5 akan hilang tarafnya sebagai pelajar Universiti dan dengan demikian beliau tidak berhak mendapat atau menggunakan kemudahan- kemudahan Universiti yang diberikan kepada pelajar sehingga beliau mendaftar semula selepas tempoh berkenaan.

7.5 Tempoh Pendaftaran Semester Semasa Penangguhan Pengajian Tidak Mendaftar

- 7.5.1 Tempoh yang terlibat dengan penangguhan pengajian/tidak mendaftar atas sebab-sebab kesihatan dan mengikuti program Tahun Berjeda (Gap Year) tidak diambil kira sebagai sebahagian daripada keperluan maksimum yang dibenarkan bagi melayakkandiri untuk mendapatkan sesuatu ijazah.
- 7.5.2 Tempoh semester yang terlibat dengan penangguhan pengajian/ tidak mendaftar atas sebab-sebab selain daripada kesihatan dan mengikuti program Tahun Berjeda (Gap Year) diambil kira (kecuali bagi tempoh dua semester yang pernah diambil dalam tempoh pengajian) sebagai sebahagian daripada keperluan maksimum yang dibenarkan bagi melayakkan diri untuk mendapat ijazah.
- 7.5.3 Tempoh penangguhan pengajian tidak boleh melebihi dua semester berturut-turut setiap kali kecuali atas sebab-sebab kesihatan. Tempoh maksimum yang dibenarkan untuk menggantungkan pendaftaran ialah sebanyak empat (4) semester kecuali atas sebab-sebab kesihatan.

8. Penyimpanan Kertas-kertas Jawapan Peperiksaan dan Rayuan-rayuan Terhadap Keputusan Peperiksaan

8.1 Kertas-kertas Jawapan Peperiksaan

- 8.1.1 Semua skrip jawapan pelajar bagi sebarang peperiksaan Universiti hendaklah diserahkan kepada Ketua Jabatan/ Ketua Program/ Pengerusi Pusat untuk disimpan.
- 8.1.2 Ketua Jabatan/ Ketua Program/ Pengerusi Pusat hendaklah menyimpan dengan selamat skrip jawapan itu untuk tempoh selama sekurang-kurangnya tiga bulan selepas pemberitahuan mengenai keputusan peperiksaan berkenaan dikeluarkan oleh Pendaftar.
- 8.1.3 Tertakluk kepada perenggan 9.1.4, semua skrip jawapan peperiksaan hendaklah dimusnahkan dengan secepat mungkin selepas genap tempoh tiga (3) bulan seperti yang tersebut dalam Peraturan-peraturan di atas.
- 8.1.4 Dalam kes-kes yang rayuan terhadap keputusan peperiksaan yang dibuat oleh seseorang pelajar, skrip-skrip jawapan berkenaan tidak boleh dimusnahkan kecuali selepas Fakulti telah mengesahkan keputusan penyemakan semula.

8.2 Rayuan Untuk Menyemak Semula Keputusan Penilaian Kursus

- 8.2.1 Sesuatu rayuan untuk menyemak semula keputusan penilaian kursus hendaklah disampaikan secara bertulis kepada Pendaftar oleh Pelajar yang berkenaan dalam masa dua (2) hingga empat (4) minggu kalendar selepas keputusan peperiksaan diumumkan. Sebarang rayuan yang diterima selepas tempoh ini tidak boleh diberikan pertimbangan.
- 8.2.2 Setiap rayuan yang dikemukakan hendaklah menyatakan kursus atau kursus-kursus yang diminta disemak semula.
- 8.2.3 Bayaran yuran mengikut jumlah yang ditetapkan bagi tiap-tiap satu kursus yang diminta disemak semula hendaklah disertakan dengan rayuan berkenaan. Bayaran ini tidak boleh dituntut balik kecuali sekiranya perubahan berlaku disebabkan kesilapan pensyarah.
- 8.2.4 Apabila diterima sesuatu rayuan, Pendaftar hendaklah merujukkannya kepada Dekan Fakulti berkenaan. Dekan Fakulti selepas berunding dengan Pengerusi Pusat/ Ketua Jabatan/ Ketua Program/ Penyelarass Kursus berkenaan boleh melantik suatu panel pemeriksa bagi menyemak semula keputusan penilaian kursus berkenaan.
- 8.2.5 Panel pemeriksa hendaklah terdiri daripada Ketua Jabatan/ Ketua Program/ Pengerusi Pusat, pemeriksa asal kursus berkenaan dan sekurang-kurangnya seorang pemeriksa lain yang bidangnya sama atau hampir sama dengan bidang berkenaan.
- 8.2.6 Perakuan-perakuan panel pemeriksa hendaklah dikemukakan bagi pertimbangan mesyuarat Fakulti. Keputusan Fakulti mengenai penilaian semula kursus-kursus berkenaan hendaklah dikemukakan bagi pengesahan Senat sebelum disampaikan kepada pelajar berkenaan, sekiranya ada perubahan.

- 8.2.7 Setiap keputusan yang dibuat oleh Fakulti menurut peraturan ini dan disahkan oleh Senat adalah muktamad dan sebarang rayuan selanjutnya terhadap keputusan tersebut tidak boleh dilayan.

8.3 Rayuan Untuk Meneruskan Semula Pengajian

- 8.3.1 Seseorang pelajar yang mendapat keputusan “Gagal dan Diberhentikan” oleh sebab gagal memenuhi syarat-syarat untuk meneruskan pengajian boleh mengemukakan rayuan terhadap keputusan tersebut. Permohonan dalam Fakulti/ Program yang sama akan hanya dipertimbangkan jika pelajar mengalami masalah kesihatan yang disahkan oleh Doktor Pakar Kerajaan. Bagi permohonan rayuan ke Fakulti/ Program lain perlu memenuhi syarat-syarat berikut:

8.3.1.1 Mendapat Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) tidak kurang daripada 1.9;

8.3.1.2 Menunjukkan prestasi Purata Nilai Gred (PNG) Semester yang meningkat dalam dua semester terakhir;

8.3.1.3 Mempunyai kelayakan masuk yang setara dengan pelajar sedia ada di Fakulti/ Program;

8.3.1.4 Penawaran masuk bergantung kepada kekosongan tempat;

8.3.1.5 Pertukaran hanya dibenarkan sekali sahaja;

8.3.1.6 Pemindahan kredit tidak dibenarkan.

- 8.3.2 Setiap rayuan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar dalam tempoh empat (4) minggu selepas pengumuman rasmi keputusan peperiksaan dan setiap rayuan hendaklah disertai dengan bayaran yang ditetapkan. Bayaran ini tidak boleh dituntut balik. Sebarang rayuan yang diterima selepas tempoh tersebut tidak boleh diberikan pertimbangan.

- 8.3.3 Apabila diterima sesuatu rayuan, Pendaftar hendaklah merujukkannya kepada Dekan Fakulti berkenaan. Dekan Fakulti hendaklah melantik suatu Jawatankuasa Rayuan untuk mempertimbangkannya.

- 8.3.4 Jawatankuasa Rayuan tersebut hendaklah terdiri daripada Dekan sebagai Pengerusi, Timbalan Dekan yang berkaitan dengan Hal Ehwal Akademik Pelajar, Ketua Jabatan/ Ketua Program/ Pengerusi Pusat yang berkenaan dan sekurang-kurangnya seorang ahli Fakulti yang berkaitan dengan pengajaran/pembelajaran bagi pelajar serta Pendaftar atau wakilnya sebagai Setiausaha.

- 8.3.5 Jawatankuasa tersebut hendaklah mempunyai kuasa-kuasa berikut:

8.3.5.1 Menerima atau menolak sesuatu rayuan;

8.3.5.2 Membuat keputusan terhadap semua rayuan yang dipertimbangkan;

8.3.5.3 Memperakukan kepada Fakulti keputusan yang telah dicapai terhadap semua rayuan yang dipertimbangkan dan memperakukan, jika ada, rayuan yang tidak layak dipertimbangkan.

- 8.3.6 Perakuan yang dibuat oleh Fakulti mengenai perkara tersebut hendaklah dikemukakan kepada Senat untuk pengesahan.
- 8.3.7 Setiap keputusan yang dibuat oleh Fakulti menurut peraturan ini dan disahkan oleh Senat adalah muktamad dan sebarang rayuan selanjutnya tidak akan dipertimbangkan.
- 8.4 Rayuan untuk meneruskan semula pengajian setelah “Diberhentikan sebab tidak mendaftar”
 - 8.4.1 Seseorang pelajar yang diberhentikan kerana tidak mendaftar boleh mengemukakan rayuan untuk meneruskan pengajian secara bertulis kepada Pendaftar dalam tempoh tidak melebihi dua (2) semester dengan dikenakan bayaran proses dan denda lewat mendaftar seperti yang ditetapkan. Apabila diterima sesuatu rayuan, permohonan tersebut hendaklah dikemukakan kepada Fakulti untuk kelulusan.
 - 8.4.2 Tempoh tidak mendaftar tidak dikira sebagai sebahagian keperluan maksimum yang dibenarkan untuk mendapat sesuatu ijazah.
- 8.5 Rayuan Tambah Masa Pengajian.
 - 8.5.1 Seseorang pelajar boleh memohon tambah masa pengajian selepas tempoh maksimum dengan mengemukakan rayuan secara bertulis kepada Pendaftar tertakluk kepada maksimum dua (2) semester dengan dikenakan bayaran proses seperti yang ditetapkan. Apabila diterima sesuatu rayuan, permohonan tersebut hendaklah dikemukakan kepada Fakulti untuk kelulusan.

9. Umum

- 9.1 Senat berhak untuk mengambil tindakan yang wajar termasuk menggantung atau memberhentikan seseorang pelajar pada bila-bila masa jika pelajar didapati:
 - 9.1.1 Memberi maklumat palsu berkenaan syarat kemasukan atau sepanjang tempoh pengajiannya atau bagi tujuan mendapatkan Ijazah;
 - 9.1.2 Dalam keadaan ketidakupayaan mental atau fizikal yang disahkan oleh pakar perubatan;
 - 9.1.3 Melebihi tempoh pengajian yang dibenarkan di bawah subperaturan 3.3.1.
- 9.2 Fakulti diberi kuasa menerima masuk seseorang sebagai Pelajar Tanpa Ijazah tertakluk kepada syarat yang ditetapkan oleh Fakulti.
- 9.3 Senat boleh membenarkan apa-apa pengecualian yang difikirkan sesuai daripada kehendak-kehendak Peraturan ini. Fakulti boleh membuat apa-apa garis panduan sebagaimana perlu bagi maksud melaksanakan peruntukan peraturan ini dengan kelulusan Senat. Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan di antara garis panduan dan Peraturan ini, peruntukan garis panduan yang bercanggah itu hendaklah terbatal setakat percanggahan itu.
- 9.4 Fakulti boleh membuat apa-apa garis panduan sebagaimana perlu bagi maksud melaksanakan peruntukan peraturan ini dengan kelulusan Senat. Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan di antara garis panduan dan Peraturan ini,

peruntukan garis panduan yang bercanggah itu hendaklah terbatal setakat percanggahan itu.

- 9.5 Peraturan ini dan semua tafsiran mengenainya yang dibuat oleh Senat dari semasa ke semasa hendaklah berkuat kuasa terhadap pelajar yang bendaftar pada dan selepas tarikh berkuat kuasa Peraturan-peraturan ini.
- 9.6 Setiap pelajar adalah tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti Kebangsaan Malaysia, statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan lain yang sedia terpakai di Universiti termasuk Kaedah-Kaedah Universiti Kebangsaan Malaysia (Tatatertib Pelajar-pelajar) 1999.
- 9.7 Peraturan-peraturan Universiti Kebangsaan Malaysia (Pengajian Sarjana Muda) 1990 adalah dimansuhkan.



**AHLI JAWATANKUASA PENERBITAN
BUKU PANDUAN PRASISWAZAH
FAKULTI PERUBATAN**

Penasihat

Prof. Dr. Norazlina Mohamed

Penyelaras

Dr. Jalina Karim

Puan Khairatul Nadia Ramli

Editor

Dr. Nor Haty Hassan

Puan Nurul Syafiqah Abdul Shukor

Rekabentuk dan Foto


Cik Nurul Farahana Azman

Penerbit UKM

dengan kerjasama

Pusat Komunikasi Korporat UKM





UNIVERSITI
KEBANGSAAN
MALAYSIA

*The National University
of Malaysia*

FAKULTI PERUBATAN

Fakulti Perubatan, Universiti Kebangsaan Malaysia
Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, Cheras
56000 Kuala Lumpur, MALAYSIA

Tel: 603 9145 5028 / 5030 / 5031
Faks: 603 945 6655
